



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PELANCONGAN YANG TIDAK BERLESEN

PUTRAJAYA – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) terus memperkukuh penguatkuasaan terhadap aktiviti pelancongan tanpa lesen yang sah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan kepatuhan kepada undang-undang demi keadilan dan kesejahteraan bersama.

Untuk dua (2) minggu pertama bulan Julai 2025, sebanyak 22 operasi telah dilaksanakan oleh pegawai penguat kuasa MOTAC di beberapa lokasi utama seluruh negara. Pemeriksaan telah dibuat ke atas 180 kenderaan, 30 syarikat pelancongan, 4 premis penginapan serta 33 pemandu pelancong dan terdapat 13 notis telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan.

Ini termasuk pemeriksaan terhadap entiti yang disyaki menjalankan perniagaan pelancongan tanpa lesen sah dalam satu operasi yang dijalankan di Perak hasil maklumat awam. Sekiranya disabitkan kesalahan, pihak terlibat boleh dikenakan denda maksimum lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) atau penjara sehingga sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya di bawah Akta 482.

MOTAC akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama agensi penguat kuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi memastikan pematuhan undang-undang pelancongan.

MOTAC mengingatkan mana-mana individu atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan pelancongan meliputi pengangkutan, penginapan atau penganjuran pelancongan secara fizikal atau dalam talian supaya memohon lesen dengan segera di pejabat MOTAC negeri berdekatan sebelum tindakan perundangan yang tegas diambil.

Kerjasama orang ramai dan pemain industri turut dialu-alukan untuk menyalurkan sebarang maklumat tentang aktiviti pelancongan yang disyaki melanggar peraturan melalui saluran Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) (<https://motac.spab.gov.my/eApps/system/index.do>). MOTAC komited memastikan hanya penggiat industri pelancongan yang berlesen secara sah beroperasi demi kesejahteraan pelancong dan industri yang mampan dan inklusif berteraskan nilai-nilai MADANI.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181
Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

